

# Family Variables and Self Concept Variables (Part 5)

Siti Sarawati Binti Johar

## 3.4 Teori Personaliti Eric Berne ( T.A ) - (1961)

Berne sebagai wakil ahli teori transaksi analisis ( T.A ), didapati percaya setiap individu ada 3 organ personaliti yang membawa kepada 3 jenis ego iaitu keadaan ego ibu bapa, orang dewasa dan kanak-kanak.<sup>1</sup> Keadaan ego ini bukan peranan tetapi reality psikologi. Berikut adalah maklumat mengenai keadaan ego tersebut :

- **Keadaan ego ibu bapa** : Ibu bapa menjadi role model kepada anak dan segala yang dipelajari akan direkod oleh anak-anak dalam “Ibu bapa”. Tingkahlaku dan pemikiran berasaskan arahan *‘jangan...’*. Rekod dikemaskini apabila berinteraksi dengan dunia luar. Ada 2 jenis keadaan ego ‘ibu bapa’ iaitu ‘ibu bapa kritikal’ yang mempunyai data/sistem yang berprasangka, kritikan, dan berbentuk kutukan’, manakala ‘ibu bapa asuhan’ pula bersifat simpati dan fleksibel. Meskipun keadaan ego ini tidak seragam, tetapi ia masih diperlukan dalam personaliti seseorang sehingga dewasa. Ia adalah suatu alat pemancar kepada nilai budaya sosial dan komuniti masyarakat. Ego ini disifatkan sebagai pengawal individu daripada situasi merbahaya.
- **Keadaan ego kanak-kanak** : Keadaan ego ini terbentuk tujuh tahun awal dan sebelum penguasaan bahasa secara sepenuhnya, maka didapati ego ini bersifat dalaman. Ringkasnya, kanak-kanak pada keadaan ini adalah mengalami rasa kegembiraan, kekecewaan, ketidaksesuaian dan penilai yang kreatif berdasarkan pengalaman semasa. Keadaan ini juga dikesan mempunyai ciri-ciri spontan, kreatif, menarik, girang, manja, mementingkan diri, ingin tahu, kedekut, suka bermain-main, janggal, bergantung kepada orang lain, tanpa proses pemikiran logik dan lain-lain. Walau bagaimanapun, keadaan ego ini penting sebagai perkembangan normal individu – asas pembinaan konsep sendiri apabila dewasa.

- **Keadaan ego orang dewasa** : Ketika dunia diselidik & dinilai kanak-kanak, maka keadaan 'ego dewasa' muncul dalam diri. Mulanya bersifat rapuh & mudah dikuasai "ibu bapa" serta emosi "kanak-kanak". Kemudiannya menjadi penyeimbang pada tuntutan ego "ibu bapa" dan emosi "kanak-kanak". Kemunculan keadaan ego ini dapat dikesan apabila kanak-kanak menguji sesuatu kenyataan untuk dirinya dan membuat evaluasi ini adalah tingkah laku keadaan ego 'dewasa'. Mungkin akan adanya persoalan, 'apa', 'mana', 'bagaimana'. Keadaan ini juga selalunya dianggap sebagai mekanisme yang mengatur dan membuat keputusan yang perlu diambil. Ringkasnya, 'dewasa' membantu ego 'kanak-kanak' dan 'ibu bapa' untuk menjadi seimbang, konsisten dan kemas kini.

CONTINUE...